

Gagal seludup 2,212kg tembakau awet

151 bungkus bahan itu bernilai RM60,000 dikesan LKTN

Oleh SITI FATIAH AWANG

KOTA BHARU

Cubaan menyeludup 2,212 kilogram tembakau awetan mata-hari dan tembakau awetan pemanas gagal apabila dua buah van yang mengandungi 151 bungkus bahan itu berjaya dikesan pihak Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) dalam satu serbuan di Tanah Merah, 4 Februari lalu.

Ketua Pengerahnya, Samsudin Noor berkata, serbuan hasil maklumat awam itu dilakukan pada jam 1.30 pagi di Alor Pasisir dan ia merupakan rampasan kedua LKTN tahun ini dengan

“Mungkin mereka (pembeli) ini sukar mendapatkan lesen melibatkan operasi perniagaan berkenaan,” katanya dalam satu sidang media di pejabatnya semalam.

Bagaimanapun katanya, tiada sebarang tangkapan dibuat berikutan kedua-dua pemandu van berjaya melarikan diri se-baik menyedari kehadiran dua penguatkuasa LKTN dan enam penguatkuasa kastam yang tiba di lokasi tersebut.

“Kita percaya tembakau itu dari negara jiran dan dibawa masuk untuk disimpan di tempat penyimpanan sebelum dipasarkan kepada pelanggan,” katanya.

Samsudin berkata, kesalahan tersebut termaktub mengikut Seksyen 52(1) Akta LKTN 2009 yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh memindahkan, mengangkut tembakau diawet atau mengambil bahagian dalam aktiviti tersebut melainkan mendapat kelulusan bertulis

daripada LKTN terlebih dahulu.

Katanya, mana-mana pihak yang gagal mendapat kelulusan bertulis boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Mengulas jumlah keseluruhan pemegang lesen bahan tersebut, Samsudin memberitahu, untuk tahun lalu, sebanyak 16 syarikat mempunyai lesen sah dan 11 juta kilogram tembakau juga diberikan permit import bagi memenuhi permintaan semasa.

“Sebenarnya tembakau yang diimport dari negara jiran sekarang ini telah kita kurangkan pembayaran cukainya iaitu hanya lima peratus melibatkan negara rantau ASEAN. Mungkin perkara ini mereka tidak tahu.

“Mereka sebenarnya boleh mendapatkan lesen dan menghubungkan LKTN untuk mendapatkan kelulusan dan sebagainya,” katanya.



Samsudin (tengah) berbincang dengan pegawaiinya mengenai hasil rampasan tersebut di pejabatnya di Kota Bharu semalam.

nilai keseluruhan melibatkan RM110,000. Memiliki atau membeli bahan tersebut daripada pasaran import.

“Kita percaya pasarnya nanti akan melibatkan kawasan tengah iaitu Kuala Lumpur bagi kegunaan pembuatan shisha, vape dan sebagainya.